



SEBAHAGIAN daripada pelajar UTHM yang Program Operasi Khidmat Masyarakat 2014 (OPKIM 2014) di DUN Sri Medan, baru-baru ini.

Sispa OPKIM 2014

U/MALAYSIA 29/10/2014 (25)

BAGI memperkenan semangat kesukarelawan yang ada, seramai 500 pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) baru-baru ini menyertai Program Operasi Khidmat Masyarakat 2014 (OPKIM 2014) di DUN Sri Medan.

Seramai 450 peserta program terdiri daripada siswa-siswi Pertahanan Awam, (SISPA UTHM) manakala 50 peserta daripada sekretariat Pencegahan Rasuah, (SPRM UTHM) yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan latar belakang telah diserahkan kepada 100 keluarga angkat dari sembilan buah kampung DUN Sri Medan yang terpilih.

Kampung-kampung yang terlibat adalah Kampung Parit Othman, Kampung Parit Sulong, Kampung Parit Laman Mukim 4, Kampung Parit Lapis Maimon, Kampung Parit Gantung, Kampung Parit Sentang Baru, Kampung Parit Pulai,

Kampung Parit Raja Hamad dan Kampung Parit Mustafa.

Program ini diadakan bertujuan bagi mendorong pelajar UTHM mendekatkan diri dengan masyarakat di samping menyebar ilmu dan kemahiran yang mereka pelajari selaras dengan misi universiti yang komited mewujudkan dan menyebarluaskan pengetahuan bagi memenuhi keperluan industri dan komuniti. Program ini menyokong dan membantu pihak pengurusan SISPA UTHM dan institut pengajian tinggi dalam usaha melahirkan mahasiswa merangkap pegawai yang berkebolehan dalam pelbagai bidang.

Nilai-nilai murni amalan penduduk desa seperti hormat-menghormati, saling bertegur sapa, bergotong royong, ziarah menziarahi dan sebagainya adalah nilai-nilai mulia yang perlu dipupuk dan disemai kepada generasi muda hari ini supaya

mereka mempunyai jati diri yang kukuh.

Justeru program anak angkat dan khidmat masyarakat ini adalah satu bentuk proses pembelajaran dan menambahkan kematangan kepada mereka bagi menerapkan nilai-nilai tersebut. Pengalaman ini perlu dilalui sendiri untuk membolehkan mereka menjadi lebih bertimbang rasa dan bertanggungjawab terhadap masyarakat.

Pelbagai aktiviti telah diatur sepanjang program berlangsung, antaranya ialah penyerahan pelajar untuk dibimbing oleh keluarga angkat, Ceramah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah, Ceramah Jabatan Pertahanan Awam, Pembelajaran balutan & alat pemadam api kecil, sukaneka bersama penduduk kampung, Malam kebudayaan dan Lawatan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) setiap kampung. Kesemua aktiviti kemasyarakatan yang dapat memperkuatkan hubungan

antara mahasiswa dan mahasiswi dengan penduduk di sini. Lebih meriah lagi, Program OPKIM 2014 ini telah mendapat penajaan dan peruntukan dari Jabatan Pertahanan Awam dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah serta Dun Sri Medan.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Ir. Dr. Amir Hashim Mohd Kassim telah menyempurnakan majlis penutup tersebut yang berlangsung pada 7 Disember lalu.

Beliau dalam ucapannya berkata, pelajar perlu sentiasa meningkatkan kemahiran insaniah masing-masing dengan menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.

Menurutnya program sebegini merupakan salah satu pembelajaran sepanjang hayat yang perlu dihayati oleh setiap pelajar dan program ini perlu dianjurkan pada setiap tahun.